

BAB 1

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Akhbar atau *press* dalam erti sempit ialah alat yang mengandungi penyiaran fikiran, gagasan ataupun berita dalam bentuk tulisan. Manakala dalam erti luas, akhbar bermaksud media massa dalam semua bentuk, baik tulisan atau lisan. Suruhanjaya Kebebasan Akhbar (Commission on the Freedom of the Press) menegaskan bahawa akhbar adalah semua cara menyampaikan kepada masyarakat berita, pendapat, emosi, dan kepercayaan melalui surat khabar, majalah, buku, radio, televisyen ataupun filem. Namun, akhbar dalam kajian ini dibataskan kepada akhbar dalam erti sempit, iaitu media surat khabar. Sesungguhnya, zaman Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) memperluaskan akhbar kepada dua edisi, iaitu edisi cetak dan edisi dalam talian.

Kemampuan akhbar cetak sebagai raja penyebaran maklumat semakin dipersoalkan dengan adanya penerbitan elektronik. Keadaan menjadi lebih parah dengan perkembangan teknologi komputer, Internet, dan multimedia. Ada yang berani meramalkan masa depan media cetak termasuk akhbar begitu malap lantaran keupayaan Internet yang mampu menyalurkan maklumat dengan cepat tanpa batas ruang dan masa. Interaktiviti dalam teknologi multimedia melalui Internet lebih menarik perhatian pembaca.

Internet merujuk kepada gabungan atau kombinasi antara teknologi komputer dan telekomunikasi. Dengan bantuan talian telekomunikasi, seseorang dapat berinteraksi dengan menggunakan komputer. Ini bermakna seseorang akan dapat menjelajah dunia

hanya dengan sentuhan jari. Dengan rangkaian telekomunikasi antarabangsa ini, pengusaha akhbar dapat memasarkan produknya ke seluruh dunia tanpa sempadan hanya dengan menggunakan teknologi komputer dan Internet. Gabungan teknologi multimedia dan Internet pastinya membawa perubahan positif kepada masyarakat antarabangsa dengan berlakunya proses perkongsian maklumat serantau.

Perkembangan teknologi Internet yang berlaku dengan pantas menyebabkan fungsi atau peranan Internet berkembang pesat dan meluas meliputi bidang pendidikan, perniagaan, perdagangan, penerbitan dan sebagainya. Halaman-halaman Web yang menyalurkan informasi wujud seperti cendawan tumbuh selepas hujan. Internet dijadikan medium penghantaran maklumat dan penyampaian maklumat dengan cepat dan lebih berkesan kepada pengguna.

Multimedia dalam Internet berkembang pesat, pantas dan mendadak disebabkan wujud sistem komputer multimedia dan perisian multimedia untuk Internet seperti Real Player, Shockwave, Stream Cam, Java, Real Audio, MPEG Level 3 (MP3), Vivo Active dan sebagainya.

Era teks dan grafik statik yang wujud pada zaman 80-an dan 90-an semakin dipinggirkan dan diganti dengan halaman yang lebih interaktif serta mempunyai nilai-nilai estetika yang tinggi.

Persoalan sebegini[^] menguatkan keinginan pengkaji meneliti kekuatan dan kelemahan, persamaan dan perbezaan media cetak dan media elektronik dengan memberi tumpuan kepada akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian. Perbandingan penerbitan elektronik dan penerbitan konvensional dalam kajian ini akan dibataskan antara akhbar

Berita Harian dan *Harakah* sebagai akhbar edisi cetak kemudian antara *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily* sebagai akhbar edisi dalam talian.

Menurut George Fox dalam bukunya bertajuk *New Survey of Journalism* (1968), tidak ada teknik yang mampu menandingi keunggulan akhbar (press) dalam proses menyampaikan fakta, pendapat, dan hujah kerana akhbar dianggap mekanisme yang menjadikannya paling berkuasa dalam kehidupan masyarakat. Menurutnya lagi, akhbar bukan semata-mata jurnalisme itu sendiri yakni berita dan teknik pemberitaan yang disampaikan tetapi juga termasuk teknik penggunaan visual serta perekaan grafik dan impaknya. Dari itu, akhbar hari demi hari semakin mengakar dalam kehidupan manusia, mempengaruhi emosi dan mempertajamkan daya fikiran pembaca. Akhbar sudah sehati dengan kehidupan manusia walau didedahkan dengan satu teknologi penyampaian maklumat yang lebih canggih.

Namun, perkembangan Information and Communication Technology (ICT) memberi lebih pilihan kepada masyarakat memperoleh maklumat melalui akhbar dalam talian. Perkembangan akhbar dalam talian diandaikan satu anjakan kepada teknologi penyampaian maklumat. Jika akhbar cetak sudah sehati dengan kehidupan manusia, akhbar dalam talian semakin diterima oleh masyarakat bermaklumat kini. Revolusi maklumat yang dialami kini memungkinkan budaya baru memperoleh maklumat yakni melalui saluran akhbar dalam talian. Berdasarkan andaian ini, pengkaji ingin melihat sejauh mana penggunaan dan tanggapan masyarakat terutamanya golongan pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) mengguna kemudahan Internet untuk mendapat maklumat dan ilmu pengetahuan yakni terhadap akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Pengkaji ingin melihat peranan reka bentuk akhbar dalam penerbitan konvensional dan

penerbitan elektronik. Bagaimana penggunaan visual dan perekaan grafik berfungsi dan memberi kesan kepada audiens akhbar cetak dan akhbar dalam talian.

Penggunaan visual atau perekaan grafik dalam akhbar tidak boleh berfungsi sendirian. Allen Hunt dalam bukunya *Newspaper Design* (1971), menyatakan bahawa orang persuratkhabaran tidak memampatkan pelbagai tipografi dan penggunaan visual dalam sehalaman akhbar semata-mata untuk menghasilkan pola atau mempertontonkannya. Menurutny lagi, sebaliknya tipografi dan penggunaan visual ini bertujuan sebagai saluran jurnalisme manakala jurnalisme itu sendiri adalah yang paling penting. Walau bagaimanapun, beliau tidak menafikan bahawa sehebat mana sekalipun jurnalisme itu, sekiranya dipaparkan perekaan grafik yang buruk akan menyebabkan impaknya hilang. Perkara ini penting untuk kajian kerana reka letak dapat menarik perhatian pembaca. Kenyataan ini memberi gambaran bahawa unsur-unsur yang terdapat dalam halaman akhbar harus direka letak dengan baik bertujuan menarik perhatian pembaca. Ilmu tipografi harus dimanfaatkan sebaik mungkin kerana aspek tersebut mempengaruhi reaksi khalayak pembaca. Aspek keterbacaan teks dipengaruhi bukan sahaja tipografinya tetapi juga perekaan grafik dan penggunaan visualnya.

Menurut Will Burtin (1978), perekaan grafik dalam komunikasi kontemporari mempunyai fungsi utama sebagai penterjemah dan memampatkan idea atau masalah dalam bentuk visual agar mudah difahami.

Penerbit akhbar (newspaper) walau apapun jenisnya merupakan salah satu usaha komersial yakni bertujuan memperoleh keuntungan semaksimum mungkin. Lantaran itu, akhbar perlu berupaya menarik perhatian khalayak yang menjadi pengguna dan pembaca dan berpotensi sebagai pembeli. Dalam teori ekonomi mudah, semakin ramai pembeli

produk yang dikeluarkan, maka graf keuntungan akan semakin menaik. Dengan itu, akhbar sebagai satu produk perlu mempunyai daya saing agar dapat menarik pembeli. Sebagai satu produk, pekej akhbar yang pasti dilihat terlebih dahulu oleh para pembeli adalah halaman pertama akhbar (A.F. Yassin, 1996).

Bagi mana-mana akhbar, halaman pertama adalah yang paling bernilai, baik dari segi nilai berita atau nilai untuk menarik pembeli. Penggunaan visual dan perekaan grafik menjadi faktor penentu keputusan pembaca membeli dan membaca akhbar tertentu. Ini disebabkan atur huruf dan berkemungkinan berita utama beberapa buah akhbar serupa dalam satu-satu terbitan.

Edward Jay Whetmore dalam *Mediamerica* (1985) menjelaskan bahawa reka letak akhbar perlu berupaya memerangkap imbasan mata pembaca atau pembeli. Menurutnya lagi, bentuk visual akhbar amat penting selain isi kandungan untuk mendapat, memikat, dan mengekalkan khalayak pembaca yang besar. Pembaca akan membuat keputusan kritikal tentang apa yang akan dibaca dengan mengimbas tajuk berita atau fotografi, gambar foto atau visual. Beliau memberi contoh akhbar *Daily News* yang hanya kalah dari segi jumlah edaran kepada *Wall Street Journal*. Akhbar *Daily News* menjadi pilihan ramai apabila mengubah bentuk visual dan perekaan grafiknya dengan ada kalanya hanya mengandungi kepala akhbar (masthead), fotografi, dan keterangan gambar.

Vic Giles & F.W. Hodgson (1990) sependapat dengan Whetmore (1985) dengan menjelaskan bahawa konsep perekaan grafik dalam akhbar sekurang-kurangnya mempunyai tiga tujuan utama; pertama, untuk menarik dan mengekalkan perhatian khalayak pembaca kepada sesebuah akhbar. Kedua, untuk memperlihatkan keutamaan

dan reka letak teks pada akhbar tersebut. Dan ketiga, untuk memberi identiti visual kepada sesuatu akhbar.

Gene Gilmore & Robert Root (1976) pula menyatakan bahawa empat daripada lima keperluan bagi menghasilkan akhbar bermutu ialah liputan berita yang baik, pemilihan berita, penyuntingan, dan penulisan tajuk berita. Elemen kelima ialah reka bentuk tipografi yang baik yakni pemilihan rupa taip dan letakan teks serta gambar. Kelima-lima elemen ini penting ditonjolkan terutamanya di halaman pertama akhbar memandangkan halaman ini menjadi petanda nilai akhbar tersebut.

Justeru, amat jelas bahawa penggunaan visual dan perekaan garfik meskipun hanya bertindak sebagai penyumbang tetapi memainkan peranan penting untuk menarik pembaca, memberikan identiti kepada akhbar, selain daripada menonjolkan imej akhbar yang bermutu tinggi.

Halaman pertama akhbar mempunyai pelbagai ciri yang digunapakai oleh kebanyakan akhbar dalam proses membuat perekaan grafik akhbar. Berbagai-bagai istilah digunapakai dalam menamakan ciri tertentu halaman hadapan atau pertama sesebuah akhbar. Kepala Akhbar yang tertera nama akhbar disebut *Flag*, ada juga yang menggunakan istilah *Nameplate* untuk perkara yang sama, juga disebut *Masthead*. Demikian juga tajuk berita kecil yang ditambah di bawah tajuk berita utama disebut *Deck* atau dalam bahasa Melayu dipanggil Tajuk Lapisan, istilah *Leader* juga merujuk kepada perkara yang sama (Karsnitz, 1993).

Perkembangan teknologi Internet merubah cara hidup manusia mencari maklumat. 'Maklumat di hujung jari' menjadi slogan bagi mewarwarkan satu cara mudah mendapatkan maklumat melalui Internet. Melalui Internet juga segala maklumat dapat

diperoleh tanpa sempadan ruang dan masa. Seajar dengan perkembangan Internet dan teknologi multimedia, perusahaan akhbar yang menjadi medium komunikasi penyalur maklumat tidak mahu ketinggalan menggunakan kecanggihan Internet. Seajar dengan itu, muncul akhbar dalam talian di negara ini bermula dengan akhbar *The Star* (<http://www.thestar.com.my>) sehinggalah munculnya akhbar dalam talian yang berpengaruh iaitu <http://www.malaysiakini.com.my> yang tidak memiliki edisi cetak. Ini menunjukkan prospek media baru ini amat cerah dalam kehidupan manusia yang bermaklumat kini.

Namun, persoalannya bersediakah masyarakat negara ini menerima perubahan ini? Bagaimana pula dengan penyediaan kemudahan mengakses Internet yang menjadi alat penting media *online*? Sejauh mana sikap, *trend* penggunaan, reaksi masyarakat terhadap penggunaan media baru ini? Bersediakah pengamal media khususnya akhbar menyediakan satu persembahan halaman Web yang baik dan lebih tepat mesra pengguna? Bolehkah media baru ini menandingi penerbitan konvensional yang sudah lama bertapak dan mengakar dalam kehidupan masyarakat yang bertamadun dan bermaklumat? Justeru, kajian ini sedikit sebanyak mampu menjawab persoalan yang sering bermain di fikiran ramai.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Manusia dalam revolusi maklumat kini menggunakan Internet untuk mencapai (access) maklumat dan pergantungan mereka kepada media massa seperti akhbar cetak sebagai sumber maklumat utama semakin berkurangan. Tambahan pula maklumat diperolehi daripada Internet tanpa sempadan masa dan ruang.

Pola penganun Internet dewasa ini semakin meningkat. Secara tidak langsung, pergantungan kepada media massa tradisional sebagai sumber maklumat utama berkurangan. Fenomena ini mendorong kebanyakan pemilik agensi media massa konvensional mewujudkan edisi dalam talian. Mereka tidak mahu ketinggalan kepada teknologi baru yang mampu menjejaskan cara lama menyediakan sumber maklumat.

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan meninjau kekuatan dan kelemahan akhbar cetak dan akhbar dalam talian khusus kepada aspek reka letak dan reka bentuk kedua-dua cara penerbitan. Secara tidak langsung melihat persamaan dan perbezaan kedua-dua jenis penerbitan yang dikaji. Yang nyata, penerbitan elektronik yang berasaskan skrin dan penerbitan konvensional yang menggunakan kertas berbeza pendekatan walaupun menggunakan prinsip-prinsip penerbitan yang sama.

Tujuan kajian juga melihat keupayaan teknologi berasaskan Internet diterima sebagai media baru alat penyampai maklumat. Meletakkan kedudukan Internet sebagai salah satu alat perhubungan yang dapat menyampaikan maklumat dan berita kepada orang ramai dengan cepat dan akhbar dalam talian adalah cara yang digunakan. Kajian meninjau Internet yakni akhbar dalam talian sebagai sejenis media massa selain televisyen, radio, surat khabar, majalah, dan sebagainya. Peranan yang dimainkan oleh Internet dalam konteks kajian yakni akhbar dalam talian, sama penting dengan media konvensional. Cuma persoalannya, sejauh mana audiens akhbar menggunakan media baru ini? Bagaimana penyediaan kemudahan Internet di negara ini? Dalam konteks kajian, sejauh mana pihak Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) menyediakan kemudahan ini untuk pelajar mengakses Internet dan seterusnya memiliki platform untuk menggunakan akhbar dalam talian?

Penyediaan kemudahan Internet sahaja tidak ada ertinya sekiranya pelajar tidak tahu dan tidak berkeinginan menggunakannya. Oleh itu, kajian ingin mengetahui potensi pelajar IPTA menerima dan mengguna Internet (dalam konteks kajian akhbar dalam talian) sebagai sumber maklumat dan komunikasi.

Kajian juga melihat sejauh mana audiens menggunakan akhbar dalam talian berbanding akhbar cetak. Aspek reka bentuk kedua-dua penerbitan menjadi persoalan kajian. Aspek penggunaan visual dan perekaan grafik ditekankan selain elemen-elemen multimedia yang menjadi kekuatan akhbar dalam talian juga dilihat.

Kajian juga bertujuan mengetahui sikap audiens, tahap penggunaan, corak dan kekerapan pelajar IPTA mengakses akhbar dalam talian. Juga diteliti pendapat, komen, pandangan dan cadangan responden yang menjadi audiens akhbar dalam talian dan akhbar cetak. Kajian akan dapat mengetahui kedudukan akhbar dalam talian di kalangan pelajar IPTA. Persediaan pelajar menggunakan akhbar dalam talian, tetapi dalam masa yang sama tidak meminggirkan akhbar cetak yang dirasakan lebih mudah didapati, mudah dibawa ke mana-mana dan murah.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian mempunyai empat objektif khusus iaitu:

1. Meninjau sejauh mana penggunaan audiens akhbar cetak dan akhbar dalam talian. Audiens akhbar di sini merujuk kepada pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

2. Melihat reaksi audiens akhbar terhadap reka bentuk halaman akhbar dengan tinjauan aspek tipografi, penggunaan visual, perekaan grafik, dan prinsip-prinsip reka bentuk yang digunakan. Tinjauan melibatkan akhbar cetak dan akhbar dalam talian.
3. Menentukan sejauh mana penyediaan kemudahan mengakses Internet di IPTA dan seterusnya menggalakkan penggunaan akhbar dalam talian oleh mahasiswa/i.
4. Menganalisis reka bentuk halaman pertama akhbar dari aspek penggunaan visual dan perekaan grafik, tipografi, dan prinsip-prinsip reka bentuk yang digunakan.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Keputusan kajian memberi gambaran tentang *trend* terbaru pelajar IPTA memperoleh maklumat melalui media massa khusus kepada penerbitan akhbar. Akhbar cetak yang terhasil daripada kejayaan penghasilan teknologi percetakan oleh Gutenberg semakin disaingi oleh media *online* yang semakin menarik dan interaktif. Maklumat di hujung jari tanpa batas sempadan masa dan ruang menjadikan akhbar dalam talian semakin digemari.

Kajian akan dapat mengetahui gambaran tentang potensi penerbitan akhbar dalam talian dan nasib akhbar cetak di kalangan pelajar IPTA. Penggunaan akhbar dalam talian oleh audien akhbar akan dapat memberi gambaran jelas kepada pengusaha akhbar, pengiklan, pihak kerajaan maupun pihak pengurusan IPTA. Pengusaha agensi media akan dapat menilai penggunaan akhbar. Pengiklan mampu melihat *trend* terbaru penggunaan akhbar di kalangan mahasiswa untuk memasarkan produk dan perkhidmatan. Pihak kerajaan dan pengurusan IPTA mampu melihat kejayaan penyediaan kemudahan pengaksesan Internet di IPTA.

Penggunaan akhbar cetak dan akhbar dalam talian memberi gambaran akhbar mana menjadi pilihan mahasiswa khususnya akhbar dalam talian. Kaedah soal selidik yang digunakan dalam kajian akan dapat memberi gambaran pelawat kepada akhbar *Berita Harian* dan *Harakah* serta *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily*. Kecenderungan pelajar bidang sains sosial dan pendidikan Islam memilih akhbar akan dapat diketahui dalam kajian ini. Akhbar dalam talian mampu dicapai tanpa sempadan negara, namun sejauh mana pelajar IPTA melawat akhbar antarabangsa bagi mendapatkan maklumat global? Kajian ini sedikit sebanyak melihat *trend* pelajar IPTA melawat akhbar dalam talian terbitan dalam dan luar negara.

Reaksi audiens akhbar cetak melalui soal selidik responden akan membolehkan pereka bentuk membuat penilaian semula aspek reka bentuk dengan mengambilkira aspek tipografi dan prinsip-prinsip reka bentuk. Ini akan dapat memenuhi kehendak dan keperluan audiens akhbar. Ini akan dapat memberi panduan kepada pembuatan keputusan atau tindakan yang akan dibuat seterusnya. Reaksi pembaca akan membolehkan tindakan dibuat. Melalui reaksi audiens akhbar, akan dapat diketahui tahap pencapaian akhbar dalam talian.

Akhbar mempunyai konsep dan kandungan yang tersendiri, mempunyai matlamat dan kumpulan sasaran yang jelas bagi menghasilkan penerbitan yang berkualiti. Organisasi akhbar perlu mengetahui kumpulan sasaran yang jelas seperti umur, bangsa, jantina, minat dan kerjaya. Kajian ini akan dapat memberi gambaran kumpulan sasaran akhbar di kalangan pelajar IPTA.

1.5 BATASAN KAJIAN

Kajian memberi tumpuan kepada akhbar cetak dan akhbar dalam talian. *Berita Harian* mewakili akhbar berbidang besar manakala *Harakah* mewakili akhbar tabloid. Pengkaji menggunakan akhbar *Berita Harian* bertarikh 4hb. Mac 2002 hingga 9hb. Mac 2002 sebagai tempoh kajian. Manakala akhbar *Harakah* keluaran bulan Mac diambil sebagai kajian iaitu keluaran 1-15hb. Mac 2002 dan 15-30hb. Mac 2002. Sementara itu, tempoh di antara 4hb. hingga 9hb. Mac 2002 diambil bagi meneliti akhbar dalam talian yakni *Berita Harian Online* dan *Harakahdaily*. Kajian penggunaan visual dan perekaan grafik hanya memberi tumpuan kepada halaman pertama kedua-dua akhbar yang dikaji.

Responden bagi kajian meliputi pelajar IPTA yakni mahasiswa Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Pelajar Universiti Malaya yang dipilih sebagai responden terdiri daripada yang mengambil bidang pengajian Islam dan sains sosial. Pelajar sains sosial diwakili oleh pelajar kursus Perekaan dan Pengeluaran Buku yang diandaikan memiliki pengetahuan dalam aspek tipografi, prinsip-prinsip reka bentuk, dan elemen-elemen multimedia. Responden di kalangan pelajar bidang pengajian Islam akan dapat mewakili *trend* pilihan media yang cenderung kepada terbitan parti pembangkang iaitu *Harakah* yang menjadi akhbar kajian ini. Responden bukan terdiri daripada pelajar IT tetapi diandaikan terdedah kepada ICT, menerima dan mengguna teknologi Internet dalam kehidupan di kampus. Reaksi responden mewakili pelajar IPTA terhadap akhbar cetak dan akhbar dalam talian.

1.6 METODOLOGI

Kajian ini melibatkan tiga aspek iaitu kajian organisasi, kajian teks, dan kajian khalayak yang terangkum dalam kaedah penyelidikan media. Kajian organisasi melibatkan pemerhatian organisasi akhbar yang dikaji dengan kaedah temu bual individu yang terlibat dalam penerbitan akhbar. Kajian teks menganalisis reka bentuk halaman pertama akhbar yang dikaji berdasarkan prinsip-prinsip penerbitan. Sementara itu, kajian khalayak melihat reaksi audiens akhbar dengan melakukan soal selidik dan temu bual bersemuka.

1.7 KESIMPULAN

Pengkaji berkeyakinan bahawa kajian ini sebagai titik mula kepada satu kajian lanjutan yang mengambil kira aspek reka bentuk akhbar terutamanya akhbar dalam talian. Sesuatu yang baru memerlukan masa untuk sehati dengan kehidupan manusia. Masyarakat Malaysia mengalami anjakan daripada hanya menggunakan akhbar cetak kepada menggunakan akhbar dalam talian. Namun, perubahan ini tidak sampai meminggirkan akhbar cetak yang sehati dengan kehidupan manusia sebagai penyalur berita dan maklumat terkini. Aspek reka bentuk sentiasa berubah selari dengan perubahan masa tambahan pula perubahan dari penerbitan konvensional kepada penerbitan elektronik. Oleh itu, aspek reka bentuk halaman akhbar memerlukan perubahan dari masa ke semasa bagi menarik minat pembaca dan meninggalkan kesan yang mendalam kepada khalayak pembaca akhbar.